
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HMA 101 - PENGANTAR BAHASA MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Pelajar diwajibkan menjawab Soalan 1 - 4 dan Soalan 5 - 8 di dalam buku jawapan yang berasingan.

Jawab **SEMUA** soalan

1. Jawab [a] dan [b]:

- [a] Nyatakan dan jelaskan beberapa faktor yang membezakan antara bahasa tabii manusia dengan ‘bahasa’ haiwan. Berikan contoh untuk setiap faktor yang dinyatakan.

[5 markah]

- [b] Nyatakan tiga daripada teori asal usul bahasa dan huraikan dengan ringkas serta berikan beberapa contoh anda sendiri untuk setiap teori yang anda pilih.

[5 markah]

2. Jawab [a] dan [b]:

- [a] Berikan huraian ringkas tentang perkara-perkara berikut:

- [i] pita suara
- [ii] lelangit lembut
- [iii] rongga oral
- [iv] alofon
- [v] pasangan minimal

[5 markah]

- [b] Senaraikan konsonan-konsonan bahasa Melayu yang dihasilkan pada titik-titik artikulasi berikut:

- [i] bibir
- [ii] gusi
- [iii] lelangit lembut
- [iv] gusi-lelangit keras
- [v] glotis

[5 markah]

3. Jawab soalan [a] – [c]:

Data 1

- *1. Ahmad minum batu itu
2. Pekedai itu telah minum air di Perhentian Temasek.

- [a] Berpandukan ayat (2) di atas berikan definisi morfem bebas dan morfem terikat berserta contohnya sekali.

[2 markah]

- [b] Nyatakan empat masukan leksikal untuk kata kerja *minum* dalam ayat (2) di atas. Berpandukan masukan leksikal itu jelaskan kenirpurnaan ayat (1).

[6 markah]

- [c] Lukiskan satu rajah pohon yang mewakili struktur sintaksis ayat (2) di atas.

[2 markah]

4. Jawab soalan [a] dan [b]:

- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan makna denotasi?

[4 markah]

- [b] Dengan memberikan dua contoh yang sesuai, jelaskan kesukaran yang timbul sekiranya sesuatu leksikal itu dikatakan mendukung makna denotasi.

[6 markah]

5. Jawab soalan [a] dan [b]:

[a] Berikan definisi bagi ‘semantik linguistik’ dan ‘pragmatik’.

[2 markah]

[b] Jelaskan perbezaan yang nyata antara kajian makna oleh ilmu semantik dan kajian makna oleh ilmu pragmatik.

[4 markah]

[c] Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, nyatakan skop bagi kajian semantik dan kajian pragmatik dalam linguistik.

[4 markah]

6. Jawab soalan [a] dan [b]:

[a] Senaraikan empat (4) persoalan utama yang diterokai dalam bidang psikolinguistik.

[4 markah]

[b] Senaraikan tiga ciri umum pertuturan bayi yang diungkapkan oleh orang dewasa kepada bayi praverbal. Adakah ciri-ciri ini universal?

[6 markah]

7. Rujuk **Teks 1** untuk menjawab [a] dan [b]:

Raja Nazrin anugerah bantuan kepada 2 bekas banduan

IPOH 6 Okt. – Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah berkenan memenuhi **harapan Pak Rashid**, bekas banduan yang mencipta sejarah sebagai tahanan paling lama menjalani hukuman penjara di negara ini, untuk memulakan penghidupan barunya.

Baginda berkenan menganugerahkan sumbangan kepada Pak Rashid atau nama sebenarnya Salleh Taib, 57, dan rakannya Jamil Ahmad, 56, bagi membantu mereka memulakan usaha hidup baru.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Paduka Seri Sultan Perak, Raja Datuk Mansur Raja Razman hari ini berkata, Raja Muda berkenan menerima menghadap Salleh di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada pukul 5 petang esok.

“Raja Muda Perak mengikuti berita Salleh dan Jamil yang telah diberi pengampunan oleh Sultan Kedah. Baginda mengambil maklum akan hasrat Salleh dan Jamil yang mahu memulakan penghidupan baru,” kata Raja Datuk Mansur.

“Pihak Istana dititahkan menghubungi kedua-dua mereka dan Salleh memaklumkan kesediaan menghadap Raja Muda Perak,” kata beliau.

Dalam temu bual dengan pemberita sehari selepas dibebaskan Selasa lepas, Salleh menyuarakan harapan agar ada pihak sudi memberi bantuan ataupun pinjaman modal untuk dia memulakan perniagaan.

Salleh dan sahabatnya, Jamil dijatuhi hukuman penjara sepanjang hayat pada 1976 selepas terbabit dalam rompakan bersenjata di Baling, Kedah melibatkan wang gaji Felda sebanyak lebih RM50,000 ketika masing-masing berumur 27 dan 26 tahun waktu itu.

Teks 1

- [a] Kenal pasti dan senaraikan lapan (8) kata ganti diri dan antesedennya.

[8 markah]

- [b] Jelaskan sebab tajuk berita ‘Raja Nazrin anugerah bantuan kepada 2 bekas banduan’ dan frasa ‘harapan Pak Rashid’ dalam **Teks 1** ialah satu katafora.

[2 markah]

8. Jawab soalan [a] dan [b]:

Teks 2	
Pelayan:	You nak makan apa? You seleklah makan dari meja tu, you ambiklah apa you nak. Kemudian you bawak kat l. I kira bagi kat you.
Pelanggan:	Cik puan, panggilah pelanggan cik, encik dan puan. Itu panggilan hormat.
Pelayan:	You tak suka takpa. We all tak pernah dengar orang komplen pun.
Sumber: Abdullah Hassan (2007: 5-6)	

- [a] Jelaskan maksud dan jenis kata ganti nama diri yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu.

[5 markah]

- [b] Apakah implikasi sosiolinguistik yang dapat anda rumuskan dari segi penggunaan kata ganti nama diri dalam perbualan yang menggunakan bahasa rojak di dalam **Teks 2** di atas?

[5 markah]